


# NewspaperSG



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Rafili catat sejarah

Berita Harian, 7 August 2000, Page 13

 Article also available on Microfilm Reel NL21999

Printer-Friendly Page

# Rafili catat sejarah

Jadi juara  
setelah  
menang  
'knock-out'  
keempat  
berturut-turut

**SILAT OLEH**

**SATU sejaral**

[^ Scroll to Top](#)

kan silat.

Demikianlah pandangan beberapa orang pegawai, termasuk Pengarah Teknikal Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Ini menyusuli kejayaan Noor Rafili Mohamed Ramli mencatatkan kemenangan *knock-out* yang keempat secara berturut-turut untuk menjuarai Kejohanan Silat Nasional yang berlangsung di Dewan Sukan Jurong East pada petang semalam.

Rafili berjaya merebahkan lawannya, Halim Halik, dalam pusingan pertama untuk mempertahankan keunggulannya dalam Kelas D.

“Sepanjang yang saya ingat, tidak ada seorang pesilat pun yang pernah memenangi semua perlawanannya dengan kiraan *knock-out*.”

“Ini mungkin satu sejarah,” demikian diisytiharkan oleh Pengarah Teknikal Persisi, Sheik Alauddin Yaacob.

Turut memberi pandangan yang serupa ialah bekas Setiausaha Agung Persisi, Jamaludin Jamil.

**YUSOFF A. RAHMAN**

^ Scroll to Top

**“Sejak mula menjadi wasit dalam 1986, saya tidak pernah ingat terdapat pesilat yang memenangi setiap perlawananannya dengan kiraan *knock-out*,” demikian reaksi Jamaludin mengenai kejayaan Rafili itu.**

**“Namun, kejayaan Rafili bukanlah sesuatu yang mengejutkan.**

**“Ini kerana sejak dahulu lagi saya ada menyebut baha-**

**wa Rafili merupakan pakar *knock-out*.”**

**Seorang lagi wasit wanita, Misratin Tokiman, pula memberitahu:**

**“Saya tidak fikir ada pesilat yang pernah memenangi semua perlawanannya dengan *knock-out*.”**

**Bagaimanakah reaksi ayah Rafili, Mohamed Ramli, mengenai kejayaan anaknya itu?**

**“Kejayaan ini dicapai kerana Rafili begitu bersungguh-sungguh semasa menjalani latihan,” jelas Ramli.**

**“Saya selalu mengingatkan pesilat bahawa jika mereka boleh memenangi perlawanan dengan secepat mungkin, mereka harus melakukannya.**

**“Pertama, ia boleh memberikan keyakinan kepada diri.**

**“Selain itu, ia boleh meng-**

**elakkan mereka daripada mengalami kecederaan jika perlawanan itu berlangsung sehingga ke pusingan ketiga,” demikian pandangan Ramli, yang kini menjadi jurulatih nasional Singapura.**

**Bagaimana pula reaksi Rafli sendiri tentang kejayaannya itu?**

**“Sebenarnya, tiada rahsia apa-apa.**

**“Yang penting, saya harus berani dan yakin dengan kebolehan sendiri,” kata Rafli sebagai mengulas kejayaannya itu.**

**“Tidak kurang pentingnya, saya harus bersungguh-sungguh semasa menjalani latihan.**

**“Macam khutbah yang saya dengar pada Jumaat lalu.**

**“Imamnya menggesa kita bersungguh-sungguh dengan apa sahaja yang kita ingin lakukan.”**



FOTO: SINTHA

**Pakar 'knock-out':** Mohamed Noor Rafli Mohamed (*kiri*) menewaskan Halim Halik dengan kiraar *knock-out* dalam pusingan pertama.

^ Scroll to Top